

21/05/1999

Rombakan kecil kukuhkan kerajaan

Manja Ismail

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan rombakan kecil Kabinetnya hari ini sebagai perubahan ke arah mengukuhkan jentera kerajaan, selain mengisi kekosongan berikutan peletakan jawatan tiga menteri.

Dua kekosongan berlaku berikutan peletakan jawatan Datuk Seri Mohamed Rahmat di Kementerian Penerangan dan Datuk Seri Sabbaruddin Chik (Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan), berkuatkuasa hari ini.

Kedua-duanya menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri, dua minggu lalu.

Sabbaruddin turut meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung Umno. Bagaimanapun, Mohamed mengekalkan jawatan Setiausaha Agung Barisan Nasional.

Satu lagi kekosongan ialah jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ekoran peletakan jawatan Datuk Chong Kah Kiat pada Februari lalu kerana mahu bertanding dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah.

Pada sidang akhbar di pejabatnya pagi ini, Dr Mahathir mengumumkan, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob sebagai Menteri Penerangan. Khalil juga dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno.

Ahli Exco kanan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Pelangai, Datuk Adnan Yaakob dinamakan sebagai Menteri Besar Pahang yang baru.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dinaikkan pangkat sebagai menteri, bagi mengambilalih jawatan Sabbaruddin di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Datuk Pandikar Amin Mulia pula dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh Chong.

Pandikar, 46, dan Khalil, 61, akan mengangkat sumpah sebagai senator Isnin ini bagi membolehkan mereka menjawat jawatan berkenaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid ditukar ke Kementerian Dalam Negeri, menggantikan Kadir, manakala Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Shafie Apdal mengambil alih tempat Azmi.

Menurut Dr Mahathir, pelantikan ketiga-tiga menteri baru itu serta pelantikan Pandikar Amin dan Khalil sebagai senator, sudah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Ditanya pemberita mengenai rasional rombakan Kabinet itu, Dr Mahathir berkata: "Mungkin kita boleh anggap perubahan ini juga sebagai memperkuatkan jentera kerajaan".

Bagaimanapun, beliau menegaskan, ia bukan bermakna menteri yang digugurkan itu tidak menjalankan tugas mereka dengan baik.

"Menteri yang letak jawatan juga sudah menjalankan tugas dengan sempurna. Tetapi memandangkan mereka undur diri kita terpaksa ganti," katanya.

Menurutnya, hanya Chong memberi alasan meletakkan jawatan iaitu untuk bertanding dalam pilihan raya Sabah, manakala Mohamed dan Sabbaruddin tidak memberi sebarang sebab untuk mengundur diri.

Sejak krisis politik pada September tahun lalu dan negara dilanda kegawatan ekonomi pada akhir 1997, banyak pihak mempersoalkan keberkesanan agensi penerangan rasmi seperti Radio dan Televisyen Malaysia dan Jabatan Penerangan. Kedua-dua agensi itu terletak di bawah Kementerian Penerangan.

Bagi Abdul Kadir, 59, harapan terhadapnya sebagai peneraju baru

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan amat tinggi. Sebagai timbalan menteri paling lama iaitu sejak 1982, beliau diharapkan memberi nafas baru kepada kementerian berkenaan.

Ini berikutan pelancongan dikenal pasti sebagai salah satu sektor utama yang boleh membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi. Kerana itu, kerajaan memperuntukkan RM150 juta kepada kementerian itu dalam Belanjawan 1999.

Dr Mahathir, yang mengesahkan Sabbaruddin menemuinya semalam berkata, peletakan jawatan Ahli Parlimen Temerloh itu sebagai menteri dan Setiausaha Agung Umno, bukan kerana kesihatan.

"Sabbaruddin menemui saya dan berkata beliau ingin meletak jawatan. Dan ia bukanlah disebabkan masalah kesihatan," katanya sambil menambah, Sabbaruddin, 57, cukup sihat dan ramai masih boleh bekerja pada usia itu.

(END)